

Siri Suara PAS di Parlimen - 7

CURI BALAK MACAM CURI MANCIS?

HAJI BUNIYAMIN YAAKOB

NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

10 AUG 1992

nasional

10005

©Hakcipta Penerbit Terpelihara 1991

Mana-mana bahagian buku ini tidak boleh dihasilkan semula dalam apa jua bentuk tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada pihak penerbit.

Cetakan Pertama: April 1991

diterbitkan oleh:

JABATAN PENERANGAN, PENYELIDIKAN DAN DAKWAH PAS PUSAT

**28A, Jalan Pahang Barat, Off Jalan Pahang,
53000 Kuala Lumpur.**

April 1991.

Uruscetak oleh:

**Syarikat Perniagaan Al-Hafiz
47 Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
53000 Kuala Lumpur. Tel: 2921114**

PRAKATA PENERBIT

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah
Lagi Maha Penyayang

RISALAH ini adalah siri ketujuh dalam Siri Suara PAS di Parlimen. Diharapkan para pembaca telah pun mendapatkan risalah-risalah terdahulu dalam siri ini, agar kita tidak ketinggalan dalam meneliti dan memahami pandangan-pandangan ketujuh-tujuh Ahli Parlimen PAS itu dalam isu-isu dan perkara-perkara yang berbagai-bagai.

Haji Buniyamin Yaakob, misalnya, banyak mengemukakan isu pertanian dan penanaman tembakau yang bersesuaian dengan kehidupan masyarakat kawasan Bachok yang beliau wakili itu. Beliau juga banyak menyentuh soal tindakan-tindakan pihak pemerintah negara yang boleh ditafsirkan sebagai 'tidak adil', terutama di dalam mengagihkan kekayaan negara di kalangan rakyat.

Seperkara menarik yang ditimbulkan dalam ucapan beliau ialah bagaimana mungkin kecurian balak tidak dapat diketahui oleh pihak berwajib. Sedangkan untuk menebang balak bukan semudah menebang batang mancis!

Pandangan dan hujah beliau yang merupakan teguran dan

cadangan kepada pihak berwajib atas perkara-perkara di atas itulah menjadi isi kandungan risalah kecil ini.

Kami percaya para pembaca tidak mahu ketinggalan untuk menelitiya secara terperinci. Kami juga percaya risalah sekecil ini akan turut menyumbangkan sesuatu di dalam usaha pihak kami memantapkan pemahaman masyarakat terhadap hujah dan pandangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS).

Dengan berakhirnya pembukuan ucapan ketujuh-tujuh Ahli Parlimen PAS, itu tidak bermakna Siri Suara PAS di Parlimen ini juga akan berakhir. Sebaliknya, pihak kami kini sedang berusaha mengumpul dan membukukan ucapan-ucapan para Ahli Parlimen PAS sejak dahulu; Dr. Burhanuddin Helmy, Prof. Zulkiflee Muhammad, Wan Mustapha, Nik Abdul Aziz Nik Mat dan lain-lain.

Untuk itu, kami sekali lagi mengharapkan Allah agar memberikan kami panduan dan pertolongan supaya segala usaha itu berjalan lancar dan akan menemui kejayaan nanti.

Wallahu Waalam Bissawab. Wa Ilaihil Marja'u Wal Maab.

MOHD. NASIR BIN AWANG
Bahagian Penerbitan Buku,
Jabatan Penerangan, Penyelidikan & Dakwah PAS Pusat,
Kuala Lumpur.

11 April 1991.

Tiada Pilih Kasih Dalam Agihan Kekayaan Negara

(Dewan Rakyat, 15.1.1991)

SAYA ingin merujuk kepada Butiran Lembaga Tembakau Negara, berhubung dengan Prestasi, Aktiviti, Kuota Pengeluaran Tembakau Negara.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perusahaan Utama yang telah memberikan kuota tanaman tembakau ini lebih banyak kepada Negeri Kelantan daripada negeri-negeri lain. Kelantan sememangnya merupakan negeri pengeluar tembakau negara yang terbesar sekali. Ia mengeluarkan lebih 80 peratus daripada 11 juta kilogram hasil tembakau negara. Kawasan saya, Bachok, merupakan kawasan utama bagi pengeluaran tembakau Negeri Kelantan dengan jumlah penanam tembakau seramai lebih 4,000 orang.

Apa yang ingin saya timbulkan dalam perbahasan ini ialah berkenaan dengan cerita-cerita menyatakan bahawa kuota pengeluaran tembakau ini akan diubah untuk tidak diberi

kepada pengawit-pengawit. Sebaliknya kuota tersebut akan diberi kepada penanam tembakau. Jika ini berlaku, maka saya percaya penanaman tembakau ataupun hasil tanaman tembakau negara akan mengalami kemerosotan. Kita tahu pengawit-pengawit tentulah lebih mahir daripada petani dalam mengendali atau dalam melakukan pengurusan hasil. Oleh sebab itu janganlah kita ambil kira hakikat bahawa pengawit ini ramai penyokong PAS dan Semangat 46. Yang kita patut ambil kira ialah hasil yang akan dicapai oleh negara kita melalui industri ini.

Dengan sebab itu, kalau Kerajaan merasakan bahawa lebih merbahaya memberikan kuota ini kepada pengawit-pengawit ini, yang kebetulannya daripada PAS dan Semangat 46, cuba Kerajaan ubahkan tanaman tembakau ini daripada Kelantan ke negeri-negeri lain untuk tahun ini. Kita uji negeri mana yang paling banyak dan paling sesuai sekali untuk ditanam tembakau.

Saya percaya kalau itu dilakukan oleh Kerajaan, perusahaan tembakau negara akan gulung tikar kerana di antara negeri-negeri di Malaysia, Kelantan merupakan negeri yang paling sesuai untuk tembakau kerana mempunyai hujan yang cukup, mempunyai panas yang cukup dan tanah pasir di tepi pantai. Di kawasan saya itu paling sesuai untuk tanaman tembakau. Sehingga projek benih untuk dihantar ke negeri-negeri lain pun dibuat percubaannya di kawasan Bachok itu. Oleh sebab itu, sekali lagi saya mengharapkan supaya Kementerian Perusahaan Utama meneliti dengan sebaik-baiknya berkenaan dengan pemberian kuota ini.

Satu lagi saya ingin merujuk kepada Butiran berkenaan dengan galian hasil bumi yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada hamba-hambanya di Lubuk Mandi, Rusila, Terengganu iaitulah hasil emas. Setelah hasil emas ini muncul di Terengganu, rakyat Kampung Rusila yang dahulunya mencari makan di laut telah mengubah mata pencarian mereka kepada bahan galian emas yang ada di Lubuk Mandi.

Setelah berlaku beberapa peristiwa seperti kemalangan dan sebagainya - dan kemalangan ini tidak semestinya berlaku apabila rakyat ataupun manusia mencari emas sahaja; cari ikan di laut pun ada kemalangan, cari balak di bukit pun ada kemalangan, kemalangan ini berlaku di mana-mana - maka Kerajaan telah mengambil alih kerja-kerja mendulang sebagai projek Kerajaan.

Apa yang saya hendak sarankan di sini ialah supaya Kerajaan mengembalikan lombong emas di Lubuk Mandi, Terengganu ini kepada rakyat supaya dapatlah kita mengagihkan kekayaan negara ini sesuai dengan tuntutan Islam, iaitu supaya kekayaan negara tidak tertumpu kepada orang yang berada sahaja. Supaya rakyat dapat menikmati sama apa yang dianugerahkan oleh Allah SWT, yang menjadi hasil kekayaan di negara kita ini.

Satu lagi, mengenai balak. Apa yang saya ingin menarik perhatian Dewan ini ialah masalah kecurian balak. Kalau mancis api bolehlah kita curi-curi. Ini balak. Hendak tebang balak bukan seminit-dua. Kita terpaksa guna gergaji enjin. Lagi pula, balak ini kalau tumbang, bukan tumbang anak mancis api. Dengar bunyinya pun gajah lari. Jadi, soalnya

macam mana Pegawai Perhutanan (*Forest Rangers*), tidak dapat mengetahui perkara ini, sehingga enam bulan baru sedar!

Pernah timbul isu ini suatu masa dahulu di Negeri Kedah. Kononnya Menteri Besar Kedah terlibat dengan kecurian balak. Ada Menteri Pusat kata pula, “tidak apalah! Kita maafkan dia curi balak”.

Macam mana boleh dimaafkan seorang ketua kerajaan mencuri balak, sedangkan rakyat pernah suatu masa mencuri duit 40 sen dalam kotak telefon di Kuala Lumpur dikenakan penjara lapan bulan? Kalau curi duit 40 sen pun kena penjara lapan bulan, apakah curi balak \$60 juta boleh dimaafkan? Di dunia ini bolehlah seseorang menteri itu memaafkan orang mencuri balak. Tetapi di Akhirat kelak siapa yang sanggup memaafkan Menteri itu?

Oleh sebab itu marilah kita sama-sama bertanggungjawab kepada negara ini dan untuk sekali lagi kita bertanggungjawab di hadapan Allah SWT di Akhirat kelak atas apa yang kita lakukan pada hari ini sebagai pemimpin yang akan disoal oleh Allah SWT.

Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan

(Dewan Rakyat, Penggal Pertama, Parlimen Kelapan)

PENGERUSI JAWATANKUASA KERJA KESELAMATAN NEGERI

- 1. Meminta Menteri Dalam Negeri menyatakan siapakah Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan di negeri-negeri dan apakah kriteria yang diperlukan dan muslihat yang diambil kira dalam menentukan perlantikan seorang pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri.*

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob] menjawab:

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri atau dengan huruf pendek JKKN di negeri-negeri ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, seperti mana yang telah ditetapkan dalam arahan Majlis Keselamatan Negara No. 1 bertarikh 31hb. Julai 1971 yang ditandatangani oleh Perdana Menteri selaku

Pengarah Gerakan Negara.

Bagi negeri-negeri tertentu terutamanya yang menghadapi masalah keselamatan, Menteri Besar dan Ketua Menteri masing-masing juga boleh mempengerusikan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri. Bagaimanapun, Pengarah Gerakan, iaitu Perdana Menteri, boleh meminda perlantikan tersebut untuk disesuaikan dengan keadaan dalam negeri-negeri berkenaan, jika perlu.

MEMBAIKI TARAF HIDUP NELAYAN

2. Meminta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) mengapakah Kerajaan tidak serius untuk membaiki taraf hidup para nelayan hingga menyebabkan sekarang terdapat sekitar 30,000 keluarga masih dibawah paras kemiskinan;*
- (b) adakah Kerajaan tidak sedar keadaan ini dan apakah persiapan yang dibuat untuk mengatasi persoalan ini; dan*
- (c) adakah Kerajaan setuju untuk membantu mereka dengan membekalkan peralatan moden dan bot dengan harga yang murah dan pinjaman tanpa bunga.*

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar] menjawab:

Adalah tidak benar Kerajaan tidak serius untuk membaiki taraf hidup para nelayan. Secara keseluruhannya taraf hidup di kalangan masyarakat nelayan telah bertambah baik di mana kadar kemiskinan telah menurun daripada 73.2 peratus pada tahun 1970 kepada 24.5 peratus pada tahun 1987.

Bagi menjawab soalan (b), Kementerian Pertanian sedar bahawa masih terdapat masyarakat nelayan yang tergolong dalam golongan termiskin. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian sentiasa berusaha melaksanakan strategi baru dan program untuk meningkatkan taraf hidup dengan melaksanakan berbagai projek melalui Jabatan Perikanan dan LKIM, di antaranya:

- (i) Melaksanakan program Pembangunan Rakyat Termiskin. Di bawah program ini seramai lebih kurang 983 orang nelayan mendapat faedah yang melibatkan perbelanjaan berjumlah 1.4 juta;
- (ii) Melibatkan nelayan di dalam bidang pelancongan sebagai pengusaha kedai makanan laut, *chalet*, bot pengangkut pelancong dan lain-lain; dan
- (iii) Menyediakan kemudahan asas perkampungan nelayan dan skim perumahan nelayan untuk membolehkan nelayan hidup dengan lebih selesa. Program ini dilancarkan sejak tahun 1986 dan sehingga tahun 1990 sebanyak 839 projek telah dilaksanakan melibatkan perbelanjaan berjumlah \$1.4 juta. Program ini dapat memberi faedah kepada 31,000 hingga 100,000 orang nelayan.

Bagi menjawab soalan (c), Kementerian Pertanian melalui Bank Pertanian Malaysia telah menyediakan kemudahan pinjaman perikanan untuk nelayan pantai memperolehi peralatan tangkapan ikan dan bot moden. Jumlah maksimum pinjaman ini ialah sebanyak \$50,000 dengan kadar faedah sebanyak 4 peratus. Di bawah skim ini seramai 299 orang nelayan telah mendapat pinjaman bernilai \$30,996,150. Selain dari itu nelayan-nelayan termiskin telah juga diberikan kemudahan pinjaman tanpa faedah sejumlah \$3,000.00.

BERDIKARI DALAM PENGELUARAN MAKANAN

3. Meminta Menteri Pertanian menyatakan:

a) adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah dasar supaya Malaysia berdikari dalam pengeluaran makanan bagi mengelakkan penggantungan kepada pihak luar; dan

(b) adakah ura-ura Malaysia hendak melabur dalam sektor persawahan di Tanah Besar China akan di-teruskan. Jika ya, tidakkah ada apa-apa risiko dalam pelaburan seperti itu.

Menteri Pertanian [Datuk Seri Sanusi bin Junid] Menjawab:

Soalan ini jelas menumpukan perhatian lebih kepada pengeluaran makanan dan tidak kepada masalah rakyat. Kerajaan Barisan Nasional sebaliknya lebih memberi per-

hatian kepada kepentingan rakyat dari barang yang dikeluarkan.

Banyak negara di dunia ini yang mengeluarkan makanan yang berlebihan dari keperluan rakyat tetapi ada di kalangan rakyatnya yang kebuluran sedangkan di Malaysia keadaan adalah sebaliknya. Membeli makanan yang lebih murah dari luar negeri adalah lebih menguntungkan rakyat kerana kemurahan harganya di pasaran.

Menggalakkan rakyat menggunakan tanah untuk mendapat hasil pertanian yang rendah harganya, hanya menggalakkan pertumbuhan kemiskinan. Bagi rakyat yang sudah terperangkap kerana keadaan tanah dan sebagainya dengan kegiatan pertanian yang rendah pendapatannya, pihak Kerajaan memberi subsidi dan bantuan lain. Kerajaan juga menggalakkan usaha mempelbagaikan jenis pertanian, ternakan dan usaha perikanan.

Bagaimanapun, pihak negara tetap mempunyai, membekal dan mengeluarkan peratus makanan yang diperlukan dan pihak Kerajaan tetap menyimpan makanan yang cukup untuk tujuan keselamatan.

Mengenai cadangan penanaman padi di China, pihak Malaysia telah ditawarkan dengan rasminya pada 27 November 1990, tanah seluas 13,300 hektar oleh Pihak Berkuasa Wilayah Hainan di Republik Rakyat China untuk tanaman padi dan jagung. Oleh kerana pihak Kerajaan tidak berhasrat untuk melabur di China, maka terserahlah kepada pihak swasta untuk mengkaji kemungkinan ini.

Mengenai ada atau tidaknya risiko bagi pelabur Malaysia yang ingin menanam padi di China, adalah jelas iaitu ada. Dalam keadaan biasa pelaburan yang pasti beruntung tanpa risiko menelurkan riba'. Semua pelaburan yang mempunyai potensi keuntungan ada risikonya. Oleh itu sebarang pelaburan oleh pihak swasta Malaysia di China pasti ada risiko, dan dalam menguruskan risiko inilah keuntungan boleh diperolehi.

RANCANGAN PERUMAHAN DAN PINJAMAN

4. *Meminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah dan rancangan Kementerian untuk melaksanakan janji-janji yang terkandung dalam manifesto Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum Oktober lalu untuk;*
 - (a) *menambahkan Tabung Pinjaman Perumahan;*
 - (b) *menyediakan rumah percuma untuk yang termiskin; dan*
 - (c) *program perumahan untuk pekerja-pekerja estet.*

Tuan Osu Haji Sukam menjawab:

Di bawah Kementerian ini terdapat satu Skim Pinjaman Perumahan untuk membantu dan menggalakkan golongan berpendapatan rendah yang bukan kakitangan Kerajaan membina rumah sendiri. Skim ini diuruskan melalui satu

Tabung Pusingan. Keperluan menambah peruntukan dalam tabung ini memang sentiasa dititikberatkan oleh Kerajaan mengikut keadaan keperluan semasa.

Di samping itu, Kerajaan Persekutuan ada memberi pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan pembinaan rumah awam kos rendah. Tambahan peruntukan bagi maksud ini sedang dipertimbangkan bagi Rancangan Malaysia Keenam.

Mengenai rumah percuma untuk yang termiskin, di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, terdapat satu program yang dikenali sebagai Program Pemulihan Rumah di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Di bawah program ini, Kerajaan memberi bantuan kepada rakyat termiskin untuk membina semula rumah yang tidak selamat didiami. Sukacita dimaklumkan program ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Bagi pekerja-pekerja estet pula, Kementerian Sumber Manusia telah mewujudkan Akta (Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan) Pekerja berkuatkuasa mulai 1 Disember 1990. Dengan berkuatkuasanya undang-undang ini, Kementerian Sumber Manusia akan memastikan bahawa rumah-rumah *quarters* yang dibina oleh majikan untuk pekerja-pekerja estet mematuhi piawaian yang tertentu bagi menjamin keselesaan pekerja-pekerjanya.

Selain daripada itu, majikan-majikan estet digalakkan menyertai Skim Pemilikan Rumah pekerja-pekerja di mana pihak majikan akan membina rumah-rumah kos rendah yang mampu

dimiliki oleh pekerja-pekerjanya.

BILANGAN KES AIDS

5. Meminta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan kes AIDS di seluruh negara sejak lima tahun terakhir dan sila butirkan mengikut tahun;
- (b) sila nyatakan kadar kenaikan kes AIDS; dan
- (c) berdasarkan kes-kes yang dilaporkan, apakah punca-punca utama kes itu. Sila butirkan bilangan mengikut tadi.

Menteri Kesihatan [Dato' Lee Kim Sai] menjawab:

TAHUN	BILANGAN KES AIDS
1986	1
1987	1
1988	4
1989	6
1990	12

* Laporan kes AIDS yang dapat dikesan di Malaysia di antara tahun 1986 hingga 1990.

(a) Sebanyak 24 kes AIDS telah dikesan semenjak tahun 1986. Perangkaan mengikut tahun dilaporkan ialah seperti berikut (lihat jadual di atas):

Daripada jumlah ini, 16 kes AIDS telahpun meninggal dunia. Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga dapat mengesan 833 orang pembawa HIV (virus pembawa AIDS) sejak tahun 1986. Pembawa-pembawa HIV adalah orang-orang yang darahnya positif kepada antibodi atau virus AIDS tetapi belum lagi mengalami apa-apa tanda atau gejala penyakit AIDS.

(b) Pengesanan hanya 24 kes AIDS dan 833 kes pembawa HIV dalam jangkamasa lima tahun terakhir menunjukkan bahawa kadar kenaikan kes AIDS di negara ini adalah masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

(c) Punca-punca utama jangkitan kes yang telah dikesan ialah:

(i) berkongsi jarum suntikan dikalangan penagih dadah;

(ii) hubungan seks; dan

(iii) penerima darah dan bahan-bahan darah.

18 NOV. 1993